

Newspaper	Berita Harian
Date	20 / 8 / 2017

Beri laluan pengganti tadbir ikut acuan sendiri

BH- 20/8/2017
Pg. 2

➔ Bekas pemimpin kutuk, serang pentadbiran negara tiada prinsip moral dalam politik

Oleh Adha Ghazali dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Bekas pemimpin negara perlu sedia memberi laluan kepada pengganti untuk meneruskan kesinambungan pentadbiran dan pembangunan mengikut acuan tersendiri, bukannya mengutuk, menyerang atau cuba menjahanamkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Presiden UMNO itu berkata, tindakan sedemikian bukan sahaja bertentangan dengan konsep kepimpinan yang dipegang, malah berisiko memusnahkan legasi yang dibina sendiri pemimpin berkenaan ketika mentadbir negara.

"Dalam hidup kita ibarat putaran roda, hari ini kita ada di atas dan satu hari nanti kita akan turun. Apabila kita turun kita sokong pula orang



Sejarah membuktikan pemimpin UMNO yang meninggalkan parti akhirnya sedar bahawa dia tidak kuat... yang buat dia kuat ialah ahli UMNO yang berdiri teguh di belakang"

Najib Razak,
Perdana Menteri



Najib memalu gong sebagai gimik perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Langkawi sambil diperhatikan Ketua UMNO Bahagian Langkawi, Datuk Nawawi Ahmad (lima dari kiri) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Padang Matsirat, semalam.

lain, barulah perjuangan kita kesampaian dan kepimpinan kita diberkati sebab orang akan nilai jasa dan legasi kita.

Prinsip moraliti dalam politik

"Kalau kita bertindak sebaliknya seperti dulu cakap lain dan sekarang cakap lain... dulu kawan, sekarang lawan dan yang dulu lawan, sekarang jadi kawan... ini bukan prinsip moraliti dalam politik

"Sebaliknya, ini perasaan marah, kecewa dan sudah lupa kepada asas dan nilai dalam perjuangan, sebab itu kita tak ada sentimen kepada orang yang sudah lupa," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Langkawi, di sini, semalam.

Najib tidak menyebut nama bekas pemimpin terbabit, tetapi difahamkan merujuk kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed yang berdepan Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyiasat Kerugian Urus Niaga

Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung skandal tuduhan wang asing berjumlah AS\$10 bilion.

Prosiding pertama suruhanjaya itu dijadual bermula esok di Mahkamah Rayuan, Istana Kehakiman Putrajaya.

Najib turut mengingatkan pemimpin UMNO bahawa kekuatan dimiliki mereka ketika ini adalah berdasarkan kepada kekuatan sokongan parti yang ditunjangi tiga juta ahli di seluruh negara.

Kuat kerana UMNO

"Saya dengar pengerusi majlis ada sebut saya pokok rendang, saya ibarat kapal besar... tetapi saya sebenarnya kuat kerana UMNO ada di belakang saya.

"Sejarah membuktikan pemimpin UMNO yang meninggalkan parti akhirnya sedar bahawa dia tidak kuat... yang buat dia kuat ialah ahli UMNO yang berdiri teguh di belakang.

"Saya juga tak kuat, tetapi apabila

ada tiga juta ahli UMNO di belakang, saya kuat dan boleh jadi pokok rendang untuk UMNO... baharulah boleh buat kebaikan perubahan dan transformasi," katanya.

Justeru, beliau berkata institusi UMNO perlu terus dipertahankan kerana selagi ada parti ini, selagi itulah perjuangan boleh diteruskan.

"Ibarat kapal besar, jangan ditebuk... kalau tebuk dan karam, nak belayar macam mana? Nak ke Pulau Tuba pun tak sampai. Kalau kapal yang selama ini dibina kita tebuk, orang lain nak harapkan kapal itu untuk belayar ke pulau idaman tak kesampaian.

"Jadi sayangnya masa depan negara, sayangkan anak kita yang masih kecil di bangku sekolah, sayangkan juga generasi TN50 (Transformasi Nasional 2050) yang harapkan negara masih hebat. Bayangkan apa akan jadi kepada mereka kalau tiada BN (Barisan Nasional) dan UMNO," katanya.